

SHINACOL[®] Eye Drops 0.5%

Chloramphenicol (5mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini ditulis untuk menjawab soalan-soalan yang kerap ditanya tentang SHINACOL Eye Drops. Risalah ini hanya mengandungi sebahagian maklumat. Sila rujuk kepada pakar kesihatan untuk keterangan lanjut.

Apakah kegunaan SHINACOL Eye Drops

SHINACOL adalah antibakteria topikal yang digunakan untuk merawat jangkitan superfisial mata .

Bagaimana SHINACOL Eye Drops berfungsi

Chloramphenicol ialah sejenis antibiotik bakteriostatik yang luas spektrum dan berkesan terhadap bakteria gram-positif dan gram-negatif.

Sebelum Menggunakan SHINACOL Eye Drops

Bila tidak boleh menitis

Jika anda alah terhadap chloramphenicol atau diri/ahli keluarga anda pernah menghidapi penyakit darah termasuk anemia aplastik.

Sebelum mula menggunakannya

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat-ubatan yang lain ataupun anda mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Jangan menggunakan SHINACOL dengan Chymotrypsin atau ubat yang menyekat fungsi sum-sum tulang pada masa yang sama. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengguna sebarang ubat titis mata yang lain.

Cara penggunaan SHINACOL Eye Drops

Berapa banyak yang perlu dititiskan

Untuk orang dewasa (termasuk orang tua) dan kanak-kanak berumur dua ke atas, satu atau dua titis dititiskan ke mata yang sakit sehingga enam kali sehari atau sekerap yang diperlukan. Satu atau dua titis setiap lima belas hingga dua puluh minit diperlukan untuk infeksi yang teruk. Kekerapan penggunaan ubat titis mata ini boleh dikurangkan secara beransuran selepas keadaan infeksi terkawal.

Bila ubat ini perlu dititiskan

Ubat ini perlu digunakan mengikut arahan doktor.

Berapa lama perlu dititiskan

Ubat ini perlu diguna selama mana yang diarah oleh doktor. Jangan guna ubat ini melebihi lima hari tanpa arahan daripada doktor.

Jika terlupa menitis

Jika anda terlupa satu dos, ambil dos itu dengan secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa pengambilan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda fikir anda, atau orang lain telah mengambil dos yang berlebihan.

Semasa menggunakan SHINACOL Eye Drops

Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengguna ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan pemakaian kanta sentuh semasa rawatan dan sehingga dua puluh empat jam selepas tamat rawatan. Jangan berhenti mengguna ubat ini atau mengubah dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda perlu merujuk kepada doktor anda jika:

- 1) Keadaan tidak bertambah baik selepas dua hari.
- 2) Simptom bertambah teruk.
- 3) Simptom penyakit mata yang lain muncul.
- 4) Anda pernah menghidapi sebarang penyakit mata.
- 5) Anda adalah pengguna kanta sentuh.

Kesan-kesan sampingan yang biasa

Chloramphenicol mungkin akan menyebabkan kepedihan dan kerengsaan mata untuk waktu sementara semasa penggunaan. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan lain yang tidak diingini.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang Kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Selepas menggunakan SHINACOL Eye Drop

Cara penyimpanan

Simpan antara suhu 2°C dan 8°C

Cara pelupusan

Buangkan ubat ini satu bulan selepas pembukaannya.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sis isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

SHINACOL[®] Eye Drops 0.5%

Chloramphenicol (5mg/ml)

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Larutan jernih tanpa warna.

Bahan-bahan kandungan

Chloramphenicol

Phenylmercuric Nitrate (sebagai pengawet)

Nombor MAL:

MAL12115063AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftar Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

17/09/2025

Nombor Siri